

SYARAT DAN GARIS PANDUAN UNTUK PERMOHONAN PENGECAULIAN DUTI EKSAIS SEBANYAK 50% KE ATAS KENDEREAAN PELANCONGAN BAGI PENGUSAHA PELANCONGAN

Pengenalan

Bagi menyokong Tahun Melawat Malaysia 2020, Kerajaan dalam Belanjawan 2020 telah bersetuju memberi pengecualian duti eksais sebanyak 50% kepada pengusaha pelancongan ke atas pembelian kenderaan pelancongan yang dikilang atau dipasang dalam negara (CKD). Pengecualian ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima mulai 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021. Jenis kenderaan pelancongan yang layak adalah seperti berikut:

| Jenis Kenderaan Pelancongan | Jenis Kapasiti |
|-----------------------------|------------------|
| Kereta Sewa dan Pandu | 5-10 penumpang |
| *Bas Persiaran | 8 -16 penumpang |
| | 17- 26 penumpang |
| | 27- 44 penumpang |

*Nota : Kenderaan Pelancongan bagi 10 hingga 44 penumpang tidak dikenakan duti eksais

Kriteria Kelayakan

Pengusaha pelancongan yang layak akan menikmati **pengecualian duti eksais sebanyak 50% sahaja** bagi pembelian kenderaan pelancongan baharu. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

1. Syarikat telah memperolehi **Lesen Pengendalian Pelancongan dan Agensi Pengembalaan** daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC);
2. Syarikat telah memperolehi **surat tawaran Lesen Kenderaan Pelancongan** daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) bagi pemohon di Semenanjung Malaysia atau MOTAC bagi pemohon di Sabah dan Sarawak;
3. Kenderaan mestilah yang dikilang atau dipasang dalam negara (CKD);
4. Pembelian kenderaan CKD mestilah daripada stok baharu yang belum berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan duti/cukai masih belum dibayar;
5. Kenderaan hendaklah didaftarkan atas nama syarikat pengendali pelancongan yang diluluskan oleh MOTAC;
6. Maklumat nombor enjin dan nombor chassis bagi pembelian kenderaan CKD hendaklah dikemukakan sewaktu permohonan dibuat;

7. Kenderaan tidak boleh dijual atau ditukar milik kepada pihak lain sehingga tamat tempoh had usia kenderaan pelancongan yang dibenarkan seperti berikut:

| Kenderaan | Kuasa Enjin | Had Usia |
|-------------------|-----------------------|----------|
| Bas persiaran | - | 13 tahun |
| Kereta Sewa Pandu | 1,800 C.C ke bawah | 7 tahun |
| | 2,000 C.C dan ke atas | 9 tahun |

8. Sebarang duti/cukai berdasarkan kepada kiraan nilai semasa hendaklah dibayar kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia sebelum ia dijual/ditukar hak milik; dan
9. Sebarang pelanggaran ke atas mana-mana syarat di atas akan menyebabkan kelulusan pengecualian ditarik balik oleh YB Menteri Kewangan.

Prosedur Permohonan

Dokumen sokongan yang diperlukan bagi mendapatkan kelulusan **pengecualian duti eksais sebanyak 50%** bagi pembelian kenderaan pelancongan pemasangan tempatan (CKD) adalah seperti berikut:

1. Sesalinan Lesen Pengendalian Pelancongan dan Agensi Pengembaraan daripada MOTAC;
2. Surat Tawaran Lesen Kenderaan Pelancongan yang dikeluarkan oleh APAD (bagi Semenanjung Malaysia) dan MOTAC (bagi Sabah dan Sarawak);
3. Sesalinan perakuan pendaftaran syarikat pengendali pelancongan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
4. Sesalinan invoice/tempahan belian (*purchase order/buyer's order*)/resit deposit daripada syarikat penjual kenderaan ke atas nama syarikat pengendali pelancongan;
5. Bagi wakil/agen pemohon, sesalinan surat perwakilan kuasa hendaklah dikemukakan bersama permohonan;
6. Dokumen yang tidak lengkap akan menyebabkan permohonan ditolak.
7. Senarai Semak dan Borang Permohonan seperti di **Lampiran A**;

Permohonan yang lengkap dikemukakan kepada:

ALAMAT BAHAGIAN CUKAI :
Bahagian Cukai
Kementerian Kewangan Malaysia
Tingkat 7, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 PUTRAJAYA.
(U.P: KETUA SEKSYEN PERKHIDMATAN I)

Jangka Masa Permohonan Diproses

14 hari bekerja daripada tarikh permohonan **yang lengkap** diterima.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai seperti berikut:

(i) Nama : Puan Nor Syareena Binti Yem
Tel : +603 8882 4059
Email : syareena.yem@treasury.gov.my

(ii) Nama : Encik Hasrul Bin Husni
Tel : +603 8882 3269
Email : hasrul.husni@treasury.gov.my

SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI PENGECUALIAN DUTI EKSAIS SEBANYAK 50% KE ATAS KENDERAAN PELANCONGAN BAGI PENGUSAHA PELANCONGAN

| PERKARA | SILA TANDA (✓) |
|---|----------------|
| 1. Borang permohonan | |
| 2. Lesen Pengendalian Pelancongan dan Agensi Pengembalaan MOTAC | |
| 3. Surat Tawaran Lesen Kenderaan Pelancongan yang dikeluarkan oleh APAD (bagi Semenanjung Malaysia) dan MOTAC (bagi Sabah dan Sarawak) | |
| 4. Salinan invois/tempahan belian (<i>purchase order/buyer's order/resit</i>) deposit daripada syarikat penjual kenderaan atas nama syarikat pengendali pelancongan | |
| 5. Salinan perakuan pendaftaran syarikat pengendali pelancongan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) | |
| 6. Salinan surat perwakilan kuasa (sekiranya melantik wakil/agen) | |

ALAMAT BAHAGIAN CUKAI :

Bahagian Cukai
 Kementerian Kewangan Malaysia
 Tingkat 7, Blok Tengah
 Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia
 No.5, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 PUTRAJAYA.

(U.P: KETUA SEKSYEN PERKHIDMATAN I)

**PERMOHONAN PENGECUALIAN DUTI EKSAIS SEBANYAK 50% KE ATAS KENDERAAN
PELANCONGAN BAGI PENGUSAHA PELANCONGAN**

BUTIRAN PEMOHON

Nama Pemohon

Nama Syarikat

No Kad Pengenalan

Alamat Surat Menyurat

No. Telefon & Emel

Tarikh Permohonan

Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat
diatas adalah benar.

Tandangan :

Nama : _____

Tarikh : _____

Untuk Kegunaan Pejabat

Cop Terima

Surat Keputusan

Pos

Kaunter

PERMOHONAN PENGECUALIAN DUTI EKSAIS SEBANYAK 50% BAGI KENDERAAN PELANCONGAN

NAMA SYARIKAT:

| Bil. | Keterangan Kenderaan | Kuantiti | Butiran Lesen Perniagaan Pelancongan | Jangkaan Tarikh Pembelian | Pejabat JPJ Di mana Kenderaan Didafarkan | Keterangan Pengecualian Duti (RM) |
|------|---|----------|--|---------------------------------|--|---|
| 1. | Model/Jenis: No. Enjin: No. Chasis: Kuasa Enjin (C.C): | | Nombor Lesen: Tarikh: | | | Harga Kenderaan: Jumlah Duti Eksais: Pengecualian Duti Eksais (50%): Harga selepas pengecualian: |